

NO. SOALAN: 180

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI]**

RUJUKAN : 8719

SOALAN:

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagaimanakah cadangan rakyat untuk mendapatkan sebuah balai polis di lokaliti Taman Tunku, Lambir dan adakah pihak polis bercadang mewujudkan pondok Bit Polis di kawasan simpang Bekenu.

JAWAPAN:

Taman Tunku adalah terletak di kawasan pentadbiran Balai Polis Lapangan Terbang Miri yang mana jarak antara Balai Polis tersebut ke Taman Tunku adalah lebih kurang enam (6) kilometer. Sebelum ini, terdapat cadangan dari pihak PDRM Kontinjen Sarawak untuk menyewa sebuah bangunan milik swasta di kawasan Taman Tunku iaitu di Taman Jelita namun cadangan tersebut dibatalkan ekoran pemilik premis menarik balik tawaran penyewaan. Pihak PDRM Kontinjen Sarawak seterusnya kini dalam proses untuk mengenalpasti bangunan sewaan baru bagi tujuan pewujudan Balai Polis yang lengkap selain dalam tindakan untuk mendapatkan tapak tanah bagi pelaksanaan projek baru kompleks Balai Polis.

Sementara itu, pihak PDRM Kontinjen Sarawak tidak bercadang untuk mewujudkan Pondok Bit Polis di kawasan Simpang Bekenu kerana tidak terdapat keperluan yang amat mendesak bagi cadangan tersebut memandangkan Balai Polis Bekenu yang sedang beroperasi di kawasan tersebut hanya terletak lebih kurang dua (2) kilometer dari Simpang Bekenu.